

**Matlamat hidup : penunjuk arah  
kehidupan idaman  
Bahagian akhir**



**Dr. Ali Qassem**  
[www.aliqassem.com](http://www.aliqassem.com)

Langkah seterusnya adalah tuliskan sumber-sumber yang anda ada dan juga sumber-sumber lain yang perlu ada. Semakin banyak sumber, anda akan semakin mempunyai inspirasi untuk mencapai matlamat anda.

Senaraikan sifat watak anda; yang negatif dan juga yang positif. Contoh-contoh sifat negatif adalah seperti tamak, nakal, suka bertengkar, pentingkan diri sendiri, cuai, cepat cemas, panas baran dan sebagainya. Sifat positif pula adalah seperti pintar, tenang, berani, setia, murah hati, fleksibel, jujur dan sebagainya.

Anda harus mempertimbangkan setiap sifat positif anda sebagai satu sumber yang akan membantu anda mendekati matlamat anda. Pada masa yang sama,

anda harus menyingkirkan sifat negatif anda. Jika tidak sifat negatif anda akan menjadi penghalang untuk mencapai matlamat.

Sumber kedua yang sedia ada adalah orang yang ada hubungan dengan anda dan anda mengenal mereka. Adakah anda kenal Brad Pitt, Angelina Jolie, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak ataupun Barack Obama ? Sudah tentu anda mengenali mereka tetapi mereka bukanlah orang yang ada hubungan dengan anda. Orang yang ada hubungan dengan anda adalah orang yang boleh berinteraksi dan memberi respon di kala anda memerlukan mereka, seperti ahli keluarga dan rakan sekerja anda.

Anda juga harus menyenaraikan sumber kewangan anda; gaji atau punca pendapatan yang lain.

Satu sumber yang penting adalah ketahui kemahiran teknikal dan aktiviti kegemaran anda. Orang-orang yang ada hubungan dengan anda yang mempunyai kemahiran dan aktiviti yang sama dengan anda dapat memberikan bantuan besar.

Selepas menyenaraikan kesemua sumber sedia ada anda, seterusnya anda perlu mengenalpasti sumber-sumber yang anda perlukan tetapi anda kekurangan sumber-sumber tersebut.

Setelah itu, anda perlu berjanji dan tekad dengan diri sendiri dan mula bertindak ke arah pencapaian matlamat. Untuk mencapai matlamat yang telah anda tetapkan bukan hanya sekadar tuliskan dan baca. Perjalanan dalam mencapai matlamat memerlukan ketahanan fizikal dan mental yang

berterusan. Ramai orang kecundang dalam pencapaian matlamat mereka kerana tidak mengambil tindakan yang tepat. Yang lain pula hangat-hangat tahi ayam sahaja, hanya mampu berterusan selama seminggu atau 2 minggu, kemudian kehilangan semangat.

Anda patut fokus dalam mencapai satu matlamat demi satu matlamat seperti yang anda telah tetapkan. Selepas tercapainya matlamat pertama yang telah ditetapkan, barulah bertindak ke matlamat yang seterusnya. Ini bermakna matlamat-matlamat yang telah ditetapkan perlulah ada kesinambungan sehinggalah matlamat yang terbesar.

Sekali lagi saya ingin ingatkan kepada semua pembaca, menetapkan matlamat-matlamat dan berusaha untuk mencapai matlamat-matlamat adalah sangat penting untuk mengecapi sebarang kejayaan dalam hidup.

Zig Ziglar berkata, "Pemanah terkenal, Howard Hill pernah menyertai sebanyak 267 kali pertandingan. Beliau memenangi kesemua 267 pertandingan yang disertainya. Beliau mampu mengena dengan tepat pada mata kerbau dari jarak 50 kaki. Adakah bermungkinan ada orang yang lebih baik dari beliau ? Anda mungkin kata tidak ada. Tetapi ADA! Tutupkan mata Howard Hill dan beliau akan kecundang. Beliau tidak dapat mengena pada sasaran sebab tidak nampak. Bagaimana hendak mencapai matlamat jika anda tidak ada matlamat yang hendak dicapai ?

Denis Watley, penulis "The Psychology of Winning and Seeds of Greatness",

mengatakan, "Sebab mengapa ramai orang tidak mencapai matlamat adalah kerana mereka tidak mengenalpasti matlamat yang hendak dicapai. Mereka tidak serius. Mereka juga tidak percaya dan yakin bahawa mereka boleh mencapai matlamat mereka. Orang-orang yang berjaya atau para pemenang boleh berpanjang lebar memberitahu anda apa yang mereka telah lakukan, apa yang telah dirancang dan liku-liku perjalanan mereka dalam mengecapi kejayaan dalam hidup."

- Tamat -